



Ruj. Kami : KKM.S.500-2/30/12 Jld.3 (13)
Tarikh : 14 November 2024

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN KUMPULAN PELAKSANA YANG TERLIBAT DENGAN PENGGABUNGAN DAN PENYERAGAMAN GRED DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) GRED U36 KE GRED U38 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan sedia maklum pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) akan berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024. Selaras dengan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Panduan Penetapan Urusan Kenaikan Pangkat Selaras Dengan Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024: Pelaksanaan SSPA Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (PP Bil.1/2024) melalui surat bertarikh 25 Oktober 2024 untuk menjelaskan mengenai urusan kenaikan pangkat bagi pegawai yang sedang memangku. Antaranya bagi skim perkhidmatan yang terlibat dengan **penggabungan dan penyeragaman gred** seperti berikut:

- i) Jurupulih Perubatan (Fisioterapi);
- ii) Jurupulih Perubatan (Carakerja);
- iii) Juruteknologi Makmal Perubatan;
- iv) Juruteknologi Pergigian;
- v) Juruterapi Pergigian; dan
- vi) Penolong Pegawai Farmasi.

3. Sehubungan itu, Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat ke Gred U38 bagi skim perkhidmatan di atas dan tawaran ini terbuka kepada semua pegawai kumpulan pelaksana Gred U36 **yang sedang memangku Gred U38**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT NO : QMS 03659

adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memangku Gred U38 **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.

4. Pelaksanaan urusan kenaikan pangkat ke Gred U38 adalah seperti berikut:

Perkara	Pelaksanaan	
	Pegawai Yang Menerima Opsyen SSPA	Pegawai Yang Menolak Opsyen SSPA
(a) Pegawai yang memenuhi/ belum memenuhi tempoh pemangkuan selama enam (6) bulan sebelum/ pada 1 Disember 2024.	i. Urusan pengesahan kenaikan pangkat dikemukakan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat.	
	ii. Pegawai akan disahkan kenaikan pangkat di gred SSM.	
	iii. Tarikh pengesahan kenaikan pangkat akan disahkan pada tarikh pemangkuan.	
	iv. Pegawai akan dipindahkan ke gred baharu di bawah SSPA.	iv. Pegawai akan terus kekal dalam gred sedia ada dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSM secara KUP.

5. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai 01 Januari 2024** : 1 salinan
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023** : 1 salinan
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2021, Tahun 2022, Tahun 2023 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) Tahun 2024** : 1 salinan

6. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuhan ke Gred U38, dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.

7. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **20 Disember 2024 (Jumaat)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



8. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(U.p: Nama pegawai seperti di Lampiran C)

9. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat

perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

10. **Ketua Jabatan** juga **bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib** bagi pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) **telah selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

11. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan boleh menghubungi pegawai seperti di **Lampiran C**.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN:

- Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan Mohon panjangkan ke semua
Bahagian/Jabatan di IPKKM
- Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan Mohon panjangkan ke
semua institusi latihan KKM
di bawah BPL
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah
Pusat Darah Negara
- Pengarah
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
- Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

ADA / TIADA

1. Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023
(Muat turun melalui Kod QR berikut)

--	--



BORANG NP(S) 8.2.2023

2. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT 2021, 2022, 2023
(Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan mukasurat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja)

--	--

3. Salinan LNPK 2024

--	--

4. Cabutan salinan Penyata Perkhidmatan pegawai yang mengandungi nama, jawatan (maklumat pelantikan serta pengesahan dalam perkhidmatan) dan catatan mulai Januari 2024 sehingga kini

--	--

5. Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (jika ada penangguhan lapor diri untuk pemangkuan)

--	--

6. Salinan keputusan/laporan Lembaga Tatatertib (jika berkaitan)

--	--

LAMPIRAN C

BIL	SKIM	NAMA PEGAWAI YM	NO. TELEFON
1	Penolong Pegawai Farmasi	Encik Mohd Asrul bin Ismail	03-88832741 asrul.ismail@moh.gov.my
2	Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	Encik Mohd Farid Asmuzi	03-88832330 m_farid@moh.gov.my
3	Jurupulih Perubatan (Carakerja)		
4	Juruteknologi Makmal Perubatan		
5	Juruteknologi Pergigian		
6	Juruterapi Pergigian	Puan Roziah binti Zakaria	03-88832235 roziah.zakaria@moh.gov.my

**SENARAI NAMA BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT
JURUPULIH PERUBATAN (FISIOTERAPI) GRED U36 KE GRED U38
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MEMANGKU PADA 13.05.2024**

BIL.	NAMA	PENEMPATAN DI GRED U38
1	ZAIDAH BINTI SAIDIN	PERAK
2	MUSTAFA KAMAL BIN ISMAIL	NEGERI SEMBILAN
3	MAIZATULSHEHA BINTI ABU BAKAR	SARAWAK
4	LAU HUN LIM	JOHOR

DISAHKAN OLEH :



NAMA : **MOHD FARID BIN ASMUJE@ASMUZI**
JAWATAN : Penolong Pegawai Tadbir Tinggi
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

TARIKH : 14.11.2024

**SENARAI NAMA BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT
JURUPULIH PERUBATAN (FISIOTERAPI) GRED U36 KE GRED U38
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MEMANGKU PADA 19.08.2024**

BIL.	NAMA	PENEMPATAN DI GRED U38
1	NORASIAH BINTI ISA	KEDAH

DISAHKAN OLEH :



NAMA : **MOHD FARID BIN ASMUJE@ASMUJ**
Penolong Pegawai Tadbir Tinggi
JAWATAN : Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

TARIKH : 14.11.2024

**SENARAI NAMA BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT
JURUPULIH PERUBATAN (FISIOTERAPI) GRED U36 KE GRED U38
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MEMANGKU PADA 01.10.2024**

BIL.	NAMA	PENEMPATAN DI GRED U38
1	NOOR INTAN AFZAN BINTI MASKAN	TERENGGANU

DISAHKAN OLEH :



NAMA : **MOHD FARID BN ASMUJE@ASMUZI**
JAWATAN : Penolong Pegawai Tadbir Tinggi
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

TARIKH : 14.11.2024

**SENARAI NAMA SEMAKAN PENEMPATAN BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT
JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN GRED U36 KE GRED U38
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MEMANGKU PADA 09.07.2024**

BIL.	NAMA	PENEMPATAN DI GRED U38
1	JOSEPH BIN BALINGI	SABAH
2	ANISAH BITNI ADNAN	MELAKA
3	NORHAYATI BINTI RAHIM	PAHANG
4	NORAZIMAH BINTI SIDI	SARAWAK
5	NOOR ROHATULIZA BITNI AWALUDDIN	MELAKA
6	NOOR RATNA BINTI RAZAK	SELANGOR
7	NOOR SHERMEE BINTI SALLEH	SELANGOR
8	SANISAH BINTI AMPIOS @ NORA	SABAH
9	SHIPUL HIZAM BIN MOHD SHAHIDI KADRI	PAHANG
10	MAWAR BINTI MORAD	NEGERI SEMBILAN
11	NURAFIDAH BINTI MOHAMAD SALLEH	JOHOR
12	SHANIZAH BINTI MOHD SHAFIEE	JKWPKLP
13	NORLIZA BINTI MOHD YOSOP	JOHOR
14	SHARMAWATI BINTI SAMSUDIN	MKAKSB
15	BUJANG ANAK ANJI	SARAWAK
16	RUTH MARIA CHOW SWEE PENG	JOHOR

DISAHKAN OLEH :-

NAMA : **MOHD FARID BIN ASMUJE@ASMUZI**
 JAWATAN : Penolong Pegawai Tadbir Tinggi
 Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
 Bahagian Sumber Manusia
 Kementerian Kesihatan Malaysia
 TARIKH : 14.11.2024

**SENARAI NAMA PEGAWAI YANG TERLIBAT DENGAN URUSAN
PENGESEHAN KENAIKAN PANGKAT JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN
GRED U36 KE GRED U38
TARIKH MEMANGKU PADA 22 JULAI 2024**

BIL.	NAMA	PENEMPATAN BARU
1	MOHAMAD KHAIRUL NIZAM MOHD JUPRI	JKN TERENGGANU
2	ZAINOL BIN OMAR	HOSPITAL KUALA LUMPUR (HKL)
3	ANTHONY BALAI @ ALBERT BALAI ANAK EKIH	JKN SARAWAK

DISAHKAN OLEH :


.....
NAMA : MOHD FARID ASMUZY

JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI TADBIR N36 (TBK)
UNIT NAIK PANGKAT PELAKSANA (NPS)
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TARIKH :

14.11.2024

**SENARAI NAMA PEGAWAI URUSAN PENGESAHAN KENAIKAN PANGKAT
JAWATAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U36 KE GRED U38
(TARIKH MEMANGKU : 17.09.2024)**

BIL.	NAMA	NEGERI
1	ANUAR BIN MUHAMAD LIMUN	JKN PULAU PINANG
2	HAMIZI BIN MOHAMED ALI	JKN PERAK
3	SALMIAH BINTI ABDUL KARIM	JKN PERAK
4	ABU BAKAR BIN ABDULLAH	JKN JOHOR
5	MULIAWATY BINTI AHMAD	JKN JOHOR
6	RASIDAH BINTI MARNI	JKN SARAWAK
7	ANUAR BIN ABU KASSIM	JKN SARAWAK
8	LIM CHUI FOON	JKN SABAH
9	FAIZAL BIN ABU BAKAR	HOSPITAL KUALA LUMPUR
10	RAZURINA BINTI HAMID	HOSPITAL TUNKU AZIZAH

DISAHKAN OLEH :


NAMA : MOHD ASRUL BIN ISMAIL

JAWATAN : PENOLONG SETIAUSAHA KANAN
UNIT NAIK PANGKAT PELAKSANA (NPS)
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TARIKH : 14/11/2024

**SENARAI NAMA PEGAWAI URUSAN PENGESAHAN KENAIKAN PANGKAT
JAWATAN JURUTERAPI PERGIGIAN GRED U36 KE GRED U38
(TARIKH MEMANGKU : 04 JUN 2024)**

BIL.	NAMA	NEGERI
1	GAURI A/P NARASAM NADARAJAN	JKN SELANGOR
2	WAN ROHAIZA BINTI WAN ISHAK	JKN KELANTAN
3	LAU CHOON GEOK	JKN NEGERI SEMBILAN

DISAHKAN OLEH :



NAMA : ROZIAH BINTI ZAKARIA

JAWATAN : PEMBANTU TADBIR KANAN

UNIT NAIK PANGKAT PELAKSANA (NPS)

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TARIKH : 14.11.2024